

**PERKAHWINAN PEREMPUAN YANG SEDANG HAMIL  
ANAK LUAR NIKAH**



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008  
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

**PERKAHWINAN PEREMPUAN YANG SEDANG HAMIL  
ANAK LUAR NIKAH**

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan perkahwinan perempuan yang sedang hamil anak luar nikah dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. Hukum perkahwinan perempuan yang sedang hamil anak luar nikah dengan mana-mana lelaki yang halal dikahwini baginya adalah **harus**. Bagaimanapun, lelaki itu tidak boleh menyetubuhinya selepas perkahwinan itu sehingga perempuan itu melahirkan anak.
2. Sekiranya perempuan itu berkahwin dengan lelaki yang menyebabkan kehamilannya, maka hukumnya **harus** dan lelaki itu boleh menyetubuhinya selepas perkahwinan itu.

*[(78)dIm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]*

*Tarikh Warta : 20 Januari 2022*

*Tarikh Keputusan : 4 April 2021*